

PELAN STRATEGIK PENGUPAYAAN PERANAN INSTITUSI MASJID SEBAGAI PUSAT TUMPUAN KOMUNITI (PTK)

Mariam Abd. Majid¹, Muhammad Aizat Syimir Rozani¹, Syarul Azman Shaharuddin¹, Syaripah Nazirah Syed Ager², Zulkefli Hj Aini³, Muhamed Yusof⁴, Hajar Opir⁵, Nur Mohammad Hadi Zahalan⁶, Nurulbahiah Awang⁷, 7 Norun Najjah Ahmat⁸, Muhamad Hanapi Jamaludin⁹ & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Ai Poa³

1Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS).

2Fakulti Syariah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS).

3 Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

4 Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM)

5 Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

6 Al Bayan Global

7 Jabatan Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Pendidikan Berterusan, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

8Jabatan Pembangunan Kemahiran Insan, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan, (UteM).

9 Presiden, Benevolent Malaysia.

Corresponding Author: Mariam Abd. Majid. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: mariam@uis.edu.my.

¹Corresponding Author: Mariam Abd. Majid. Department of Dakwah and Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 0193501617. Email: mariam@uis.edu.my

²Corresponding Author: Mariam Abd. Majid. Department of Dakwah and Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 0193501617. Email: mariam@uis.edu.my

³Corresponding Author: Mariam Abd. Majid. Department of Dakwah and Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 0193501617. Email: mariam@uis.edu.my

⁴Corresponding Author: Mariam Abd. Majid. Department of Dakwah and Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 0193501617. Email: mariam@uis.edu.my

⁵Corresponding Author: Mariam Abd. Majid. Department of Dakwah and Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 0193501617. Email: mariam@uis.edu.my

⁶Corresponding Author: Mariam Abd. Majid. Department of Dakwah and Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 0193501617. Email: mariam@uis.edu.my

⁷Corresponding Author: Mariam Abd. Majid. Department of Dakwah and Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 0193501617. Email: mariam@uis.edu.my

⁸Corresponding Author: Mariam Abd. Majid. Department of Dakwah and Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 0193501617. Email: mariam@uis.edu.my

⁹Corresponding Author: Mariam Abd. Majid. Department of Dakwah and Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 0193501617. Email: mariam@uis.edu.my

Abstrak

Institusi masjid merupakan tempat strategik pertemuan anggota masyarakat dalam sesebuah komuniti. Di Malaysia, institusi masjid berperanan utama sebagai pusat pelaksanaan ibadah bagi seluruh umat Islam. Rasulullah saw turut menjadikan institusi masjid sebagai platform penyampaian ilmu pengetahuan, pentadbiran, perpaduan, interaksi sosial dan penyaluran bantuan keperluan. Namun, realiti hari ini menuntut keperluan memperkasa peranan institusi masjid. Artikel ini bertujuan mengemukakan pelan strategik bagi pengupayaan peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti. Metodologi kajian menggunakan reka bentuk kajian pembangunan melalui fasa analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan serta penilaian. Dapatan kajian menghasilkan pelan strategik pengupayaan peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti meliputi objektif, isu, strategi, inisiatif/aktiviti, indikator, sasaran dan pelaksana. Pernerangan keupayaan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti adalah antara usaha bagi merealisasikan tuntutan pengimarahannya masjid.

Kata kunci: Pelan Strategik, Pengupayaan Peranan, Institusi Masjid, Pusat Tumpuan Komuniti (PTK).

PENGENALAN

Masjid adalah satu institusi yang paling utama dan mulia dalam Islam. Keutamaan institusi masjid jelas dibuktikan menerusi tindakan Rasulullah saw yang mendirikan masjid Quba' sebaik sahaja ketibaan baginda saw di Quba' dan mendirikan masjid apabila baginda saw sampai di Madinah (Al-Buti, 1997). Kewujudan institusi masjid mempunyai nilai kekudusan yang tinggi menjadi nadi dan indikator kepada keutuhan umat dan negara Islam. Institusi masjid berperanan membentuk peradaban umat Islam secara menyeluruh sekali gus menyumbang kepada pembinaan umat dan negara Islam

Peranan utama institusi masjid adalah sebagai tempat beribadah dan menzahirkan ketaatan kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah Al-Nur, ayat 36:

فِي بُيُوتٍ أَذِنَ اللَّهُ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ

Terjemahan: “Di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang”

Ayat ini menjelaskan berkaitan kedudukan institusi masjid yang mesti dimuliakan serta peranannya sebagai tempat menyebut dan mengingati Allah SWT, melaksanakan ibadah serta mensuci dan memuji Allah SWT pada waktu pagi dan petang. Ayat ini turut menekankan bahawa masjid adalah rumah Allah SWT dan khusus untuk menyembah-Nya di masjid. Semua bentuk ibadah yang tidak sesuai dengan tuntutan Allah SWT adalah dilarang di masjid. Ini menunjukkan keagungan dan kesucian masjid sebagai tempat yang khusus untuk beribadah kepada Allah SWT dan menjauhi segala bentuk amalan yang boleh mengotorkan kesuciannya. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 125 menjelaskan berkaitannya:

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمْنًا وَاتَّخِذُوا مِن مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى وَعَهِدْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَنَّ طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ

Terjemahan: “Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk ibadat haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjid Al-Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, dan orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya), dan orang-orang yang rukuk dan sujud”.

Ayat ini turut menjelaskan bahawa baitullah menjadi pusat tumpuan bagi seluruh umat Islam dan larangan mangotorinya atau mengamalkan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT di masjid.

Pada zaman Rasulullah saw, institusi masjid menjadi tempat pertemuan penting umat Islam. Institusi masjid berperanan sebagai pusat pendidikan, perundangan, kebajikan sosial, interaksi sosial, perbincangan politik, strategi ketenteraan, perjanjian dan keputusan strategik lain pada zaman Rasulullah saw (Salleh, 2015). Masjid turut menjadi pusat untuk aktiviti sosial seperti pengumpulan sedekah dan zakat, serta bantuan kemanusiaan kepada orang miskin dan memerlukan. Baginda saw memanfaatkan masjid sebagai tempat mengadakan aktiviti sosial, kemanusiaan serta perlindungan keselamatan kepada Rasulullah SAW, sahabat dan umat Islam.

Masjid menjadi pusat penyatuan melalui solat berjemaah, majlis ilmu, dan aktiviti sosial yang membentuk kekuatan dan kesatuan dalam masyarakat. Menurut Ahmad et al. (2021), masjid bukan sahaja menjadi tempat untuk menunaikan solat, tetapi turut sebagai medan penyampaian ilmu, mengeratkan ukhuwah, dan menyelesaikan masalah masyarakat. Selain itu, masjid turut berfungsi sebagai pusat kebajikan yang membantu golongan memerlukan dan menyatukan masyarakat (Ismail & Rahman, 2022). Masjid sudah diiktiraf sebagai institusi yang berperanan dalam pembangunan komuniti dan kesejahteraan sosial (Yusof et al., 2023). Pengaruh masjid dalam masyarakat kontemporari masakini boleh dilihat dari segi inisiatif sosial dan aktiviti yang dilaksanakan, seperti program kebajikan, kesihatan, dan pemerikasaan ekonomi (Zainal & Mustapha, 2024).

Realiti ini menunjukkan bahawa masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah, tetapi berperanan penting sebagai agen perubahan sosial yang proaktif. Seiring dengan perubahan zaman dan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam hari ini, peranan masjid perlu diperkasa serta diperkukuh bertujuan membangun umat secara seimbang keperluan spiritual dan fizikal.

PEMERKASAAN PERANAN INSTITUSI MASJID DALAM MASYARAKAT

Usaha memperkasakan institusi masjid dalam masyarakat dilaksanakan melalui usaha menjadikan masjid sebagai pusat tumpuan komuniti (*one stop centre*) dalam era kontemporari. Pengupayaan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti dapat direalisasikan melalui fasa perancangan, penggubalan strategi, pemerikasaan peranan masjid bertujuan mempromosi kesejahteraan sosial melalui program pendidikan, aktiviti kebajikan, dan penglibatan masyarakat (Abd Majid et al., 2021). Pengurusan yang efisien dan kerjasama antara komuniti dan pihak pengurusan masjid penting untuk memaksimumkan potensi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti (Mustari et al., 2017). Menurut Radzi et al. (2023), pemerikasaan masjid sebagai pusat komuniti memerlukan pendekatan holistik melibatkan elemen spiritual, sosial, dan ekonomi agar dapat menyumbang

kepada pembentukan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Pemerksaan peranan institusi masjid dalam masyarakat perlu diperkukuh seperti kriteria berikut iaitu sebagai:

Pusat Pendidikan dan Ilmu: Masjid berfungsi sebagai institusi penyampaian ilmu pengetahuan dan pendidikan kepada masyarakat dengan menyediakan pelbagai program pengajian melalui penganjuran kuliah, kelas agama, dan ceramah, masjid. Peranan ini bantu mempertingkatkan kefahaman agama dan membentuk umat yang lebih berilmu dan berakhlak mulia (Ahmad et al., 2021). Ilmu pengetahuan penting untuk membentuk dan memelihara nilai-nilai Islam dan akhlak dalam kalangan umat Islam. Penganjuran program keilmuan Melalui aktiviti-aktiviti pendidikan dan ceramah agama, masjid membantu membentuk karakter dan moral individu, memastikan bahawa masyarakat hidup mengikut prinsip-prinsip Islam yang sebenar. Ini adalah penting dalam mencipta masyarakat yang berakhlak mulia dan berintegriti (Ahmad et al., 2021). Masjid boleh menjadi platform untuk mengadakan perbincangan dan forum terbuka mengenai isu-isu semasa, cabaran komuniti, dan penyelesaian masalah. Dengan mengadakan perbincangan ini, masjid menyediakan ruang untuk masyarakat berkongsi pandangan, berbincang tentang isu-isu penting, dan mencari jalan penyelesaian bersama (Rahman et al., 2024). Pihak masjid boleh menyediakan bahan bacaan yang mudah diakses seperti buku dan risalah dengan tulisan yang besar dan jelas, serta format audio untuk mereka yang mempunyai masalah penglihatan.

Pusat Pengukuhan Komuniti dan Ukhuwah: Masjid berperanan mengeratkan hubungan sosial dalam kalangan masyarakat dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti majlis berbuka puasa, gotong-royong, dan program keluarga memperkukuhkan ukhuwah dan semangat kerjasama dalam komuniti. Peranan ini penting untuk membina masyarakat yang bersatu padu dan saling menyokong (Ismail & Rahman, 2022).

Pusat Penyediaan Bantuan Sosial: Masjid mengambil tanggungjawab sebagai platform penyediaan bantuan kepada golongan yang memerlukan seperti menyediakan makanan kepada golongan miskin, memberikan bantuan kewangan, dan menyokong keluarga yang memerlukan. Ini membantu mengurangkan jurang sosial dan memastikan kesejahteraan masyarakat (Yusof et al., 2023).

Pusat Inisiatif Kesihatan dan Pembangunan Ekonomi: Masjid berperanan mempromosikan budaya hidup sihat dan meningkatkan kesejahteraan ekonomi. Program kesihatan seperti pemeriksaan kesihatan percuma dan ceramah mengenai pemakanan sihat membantu masyarakat menjaga kesihatan. Selain itu, masjid boleh menjalankan inisiatif seperti latihan kemahiran dan program keusahawanan untuk membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat (Zainal & Mustapha, 2024). Masjid boleh berperanan dalam memperkasakan ekonomi komuniti melalui penganjuran program latihan keusahawanan, pameran produk tempatan, dan sokongan kepada usahawan kecil. Ini membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat dan mempromosikan pembangunan ekonomi tempatan (Zainal & Mustapha, 2024).

Pusat Menangani Krisis Sosial dan Bencana Alam: Institusi masjid berperanan menghadapi pelbagai cabaran sosial seperti kemiskinan, kekerasan rumah tangga, dan masalah sosial lain, masjid memainkan peranan sebagai pusat sokongan dan bantuan. Program-program yang dilaksanakan di masjid, seperti kaunseling dan bantuan krisis, dapat membantu individu dan keluarga yang mengalami kesulitan. Ini membantu dalam menangani masalah sosial dan

mengurangkan kesan negatif terhadap masyarakat (Ismail & Rahman, 2022). Melalui program-program ini, masjid berfungsi sebagai agen perubahan yang aktif, menyokong pelbagai isu sosial dan membantu mengatasi masalah masyarakat (Rahman et al., 2024). Masjid berfungsi sebagai pusat sokongan komuniti, penyediaan perkhidmatan sosial seperti kaunseling, bantuan makanan, dan sokongan kewangan kepada golongan yang memerlukan adalah penting. Masjid juga boleh menjalankan program-program seperti pusat bantuan kecemasan dan klinik kesihatan untuk memenuhi keperluan masyarakat (Yusof et al., 2023). Masjid boleh melancarkan program-program yang mempromosikan kesedaran sosial, kempen perlindungan alam sekitar, dan program bantuan bencana. Ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran masyarakat tentang isu-isu penting, tetapi juga memperkuat peranan masjid sebagai agen perubahan sosial yang aktif dan bertanggungjawab (Ahmad et al., 2021).

Pembinaan istitusi masjid mesti selari dengan keperluan infrastruktur yang sesuai dengan darurat iklim. Ianya adalah satu langkah penting dalam memastikan institusi ini bukan sahaja berfungsi dengan baik tetapi juga tahan terhadap perubahan cuaca ekstrem dan bencana alam. Berikut adalah kriteria pembinaan infrastruktur masjid yang sesuai dengan darurat iklim iaitu memiliki ketahanan terhadap bencana alam seperti sistem saliran yang baik, struktur yang kukuh, dan bahan binaan yang tahan lasak agar mampu menghadapi kejadian cuaca ekstrem seperti banjir, ribut, dan gempa bumi. Selain itu, usaha ini penting bagi memastikan bahawa masjid dapat terus berfungsi sebagai pusat tumpuan komuniti dan penyedia bantuan semasa darurat (Yusof et al., 2023).

Penyediaan Tempat Perlindungan yang Selamat: Dalam situasi bencana alam, masjid boleh berfungsi sebagai tempat perlindungan bagi anggota masyarakat yang terjejas. Infrastruktur yang sesuai dengan darurat iklim memastikan bahawa masjid dapat menyediakan tempat yang selamat dan selesa untuk komuniti. Ini termasuk memastikan sistem ventilasi dan penyejukan yang berfungsi dengan baik serta ruang yang mencukupi untuk menampung bilangan orang yang besar (Zainal & Mustapha, 2024). Infrastruktur yang sesuai dengan keperluan iklim dapat meningkatkan keselesaan dan kesihatan pengguna masjid. Sistem penyejukan yang efisien dan pengudaraan yang baik dapat mengurangkan kesan cuaca panas, manakala sistem pemanas dan perlindungan daripada hujan dapat memastikan kehadiran dan penyertaan jemaah dalam aktiviti masjid walaupun dalam keadaan cuaca yang tidak menentu (Ahmad & Hossain, 2021).

Pengurangan Kesan Perubahan Iklim: Pembinaan masjid menggunakan teknologi dan bahan binaan yang mesra alam, seperti panel solar, sistem pengumpulan air hujan, dan bahan binaan yang tahan lama, dapat mengurangkan jejak karbon dan kesan perubahan iklim. Ini bukan sahaja menyokong usaha pemuliharaan alam sekitar tetapi juga memberikan contoh yang baik kepada masyarakat tentang pentingnya kelestarian alam sekitar (Rahman et al., 2024).

Penyimpanan Sumber yang Berkesan: Masjid perlu dilengkapi dengan sistem penyimpanan yang sesuai dapat menyimpan sumber-sumber penting bagi masyarakat seperti makanan, ubat-ubatan, dan peralatan kecemasan dengan lebih baik. Sistem penyimpanan yang baik memastikan bahawa sumber-sumber ini tidak rosak atau terjejas semasa bencana, membolehkan masjid memberi bantuan yang lebih cepat dan berkesan kepada komuniti (Zainal & Mustapha, 2024).

Menyediakan Rangkaian Bantuan dan Sokongan: Masjid dengan infrastruktur yang baik memudahkan penubuhan rangkaian bantuan dan sokongan yang efektif. Ini termasuk penyediaan

ruang untuk pusat bantuan, tempat pemulihan, dan pengumpulan barang keperluan. Masjid boleh bekerjasama dengan organisasi kemanusiaan dan pihak berkuasa tempatan untuk memastikan bantuan disalurkan dengan cepat dan efisien (Ismail & Rahman, 2022).

Pusat Riadah dan Rekreasi Komuniti: Masjid boleh berperanan sebagai pusat riadah dan rekreasi dalam komuniti dengan menyediakan kemudahan gelanggang permainan, taman permainan, dan kebun bunga dan pertanian. Melalui penglibatan ini, masjid dapat memperluaskan tumpuan komuniti kepada pembangunan fizikal dan sosial komuniti sekali gus bantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan menyediakan kemudahan yang diperlukan (Yusof et al., 2023). Meningkatkan dan menambah baik infrastruktur masjid seperti bilik kelas, dewan serbaguna, dan kemudahan sukan dapat menarik lebih ramai orang untuk terlibat dalam aktiviti masjid. Infrastruktur yang baik juga menyediakan kemudahan yang diperlukan untuk menjalankan pelbagai program dan aktiviti komuniti (Rahman et al., 2024).

Pusat Latihan Kemahiran dan Kepimpinan: Masjid boleh berfungsi sebagai platform untuk membina kemahiran kepimpinan dan organisasi dalam kalangan ahli komuniti. Penganjuran program dan aktiviti di masjid melatih dan dapat meningkatkan keupayaan kemahiran dan kepimpinan, individu berpeluang untuk memimpin dan mengurus projek-projek komuniti, yang membantu membina kemahiran kepimpinan dan meningkatkan keupayaan individu dalam aspek pengurusan dan organisasi (Zainal & Mustapha, 2024). Usaha memperkasa keupayaan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti adalah efektif dan relevan dalam menghadapi cabaran zaman moden sekarang ini serta memberikan sumbangan yang signifikan kepada kesejahteraan masyarakat.

Pusat Rangkaian dan Jaringan Kerjasama: Masjid boleh menjalin kerjasama dengan organisasi bukan kerajaan, agensi kerajaan, dan institusi pendidikan untuk melaksanakan program-program yang bermanfaat untuk komuniti. Kerjasama ini dapat memperluaskan jangkauan dan sumber daya yang tersedia untuk masjid dalam menjalankan inisiatif mereka (Yusof et al., 2023).

Memperkuat Jaringan Sokongan Komuniti: Dengan infrastruktur yang sesuai, masjid boleh berfungsi sebagai pusat koordinasi dalam situasi darurat, bekerjasama dengan agensi kerajaan, NGO, dan badan-badan lain untuk memastikan bantuan disampaikan dengan efisien. Infrastruktur yang baik membolehkan masjid menjalankan fungsi ini dengan lebih teratur, meningkatkan keberkesanan operasi bantuan dan pemulihan (Rahman et al., 2024).

Pusat Teknologi dan Media Sosial: Penggunaan teknologi dan media sosial untuk menyebarkan maklumat, menganjurkan aktiviti, dan berinteraksi dengan komuniti boleh membantu meningkatkan keterlibatan dan penglibatan masyarakat. Platform digital juga membolehkan masjid berhubung dengan jemaah yang tidak dapat hadir secara fizikal, serta memudahkan penyebaran maklumat mengenai program-program dan inisiatif masjid. Institusi masjid boleh menggunakan media sosial untuk mengadakan sesi ceramah dalam talian, berkongsi artikel pendidikan, dan mempromosikan aktiviti komuniti (Yusof et al., 2023). Penggunaan teknologi dan media sosial untuk menyebarkan maklumat, menganjurkan aktiviti, dan berinteraksi dengan komuniti boleh membantu meningkatkan keterlibatan dan penglibatan

Penyertaan Komuniti dan Penyediaan Pasukan Sukarelawan: Institusi masjid perlu menubuhkan pasukan sukarelawan masjid atau komuniti bertujuan bantu melaksanakan dan menyokong pelbagai program komuniti. Sukarelawan boleh terlibat dalam aktiviti-aktiviti seperti pengurusan acara, penyampaian bantuan, dan pelaksanaan projek-projek kebajikan. Penglibatan sukarelawan tidak hanya memperkasakan aktiviti masjid, tetapi juga memperkukuhkan semangat kerjasama dan penglibatan masyarakat (Ismail & Rahman, 2022). Penglibatan generasi muda dalam golongan sukarelawan masjid perlu diberi fokus kepada penglibatan generasi muda dengan menganjurkan program-program yang menarik dan relevan untuk mereka. Aktiviti seperti kumpulan remaja, pertandingan ilmiah, dan kursus kepimpinan dapat menarik minat generasi muda untuk terlibat lebih aktif dalam kehidupan masjid. Ini penting untuk memastikan kesinambungan peranan masjid dalam masyarakat masa depan (Yusof et al., 2023). Melibatkan komuniti dalam proses pembangunan masjid, termasuk dalam perancangan dan pelaksanaan projek infrastruktur, meningkatkan rasa tanggungjawab dan kepemilikan terhadap institusi tersebut. Ini termasuk mengadakan sesi perbincangan dan konsultasi dengan penduduk setempat untuk memahami keperluan dan harapan mereka terhadap masjid (Rahman et al., 2024).

Masjid yang mesra orang kurang upaya (OKU) dan warga emas. adalah masjid yang direka bentuk dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan fitur untuk memastikan aksesibiliti, keselesaan, dan keselamatan mereka. Dengan melaksanakan langkah-langkah ini, masjid bukan sahaja menjadi tempat ibadah yang inklusif tetapi juga berfungsi sebagai pusat komuniti yang sensitif terhadap keperluan OKU dan warga emas. Ini akan mempromosikan penyertaan yang lebih besar dan memastikan bahawa semua jemaah, tanpa mengira tahap kemampuan fizikal mereka, dapat menikmati kemudahan yang disediakan dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti keagamaan serta sosial dengan penuh kesejahteraan. Mewujudkan kumpulan sokongan dalam masjid yang terdiri daripada jemaah yang terlatih untuk membantu OKU dan warga emas dalam aktiviti harian mereka dan dalam keadaan darurat.

Beberapa ciri utama yang perlu disediakan bagi kriteria masjid mesra (OKU) dan warga emas ialah;

Laluan Lebar: menyediakan laluan yang cukup lebar dan bebas daripada halangan untuk memudahkan pergerakan OKU dan warga emas. Laluan ini juga perlu mempunyai permukaan yang rata dan tidak licin

Kemudahan Lif jika terdapat lebih dari satu tingkat dan kemudahan: pintu automatik atau pintu yang boleh dibuka dengan mudah tanpa memerlukan tenaga fizikal yang banyak membantu mereka yang menggunakan kerusi roda atau tongkat, Ruang Mudah Diakses menggunakan kerusi roda atau orang yang memerlukan sokongan mudah bergerak, tandas yang luas dengan pegangan tangan yang sesuai dan kemudahan seperti tandas yang boleh diakses oleh kerusi roda, Sink untuk wuduk harus direka supaya mudah diakses dari kedudukan duduk atau kerusi roda, dengan faucet yang boleh dikendalikan tanpa perlu menggunakan tangan (contoh: sensor automatik).

Tempat Parkir OKU: menyediakan tempat parkir khusus yang berdekatan dengan pintu masuk utama masjid. Tempat parkir ini harus luas dan mudah diakses, dengan tanda yang jelas menunjukkan kawasan tersebut dikhaskan untuk OKU dan warga emas (Zainal & Mustapha, 2024).

Dengan ciri-ciri ini, masjid dapat memberikan kemudahan dan layanan yang memadai kepada OKU dan warga emas, memastikan mereka dapat menyertai aktiviti ibadah dan komuniti dengan selesa dan berkesan. Ini juga menggalakkan inklusiviti dan kesetaraan dalam amalan keagamaan dan kehidupan masyarakat.

Masjid yang berfungsi secara optimal akan menjadi pusat pembentukan nilai, sokongan sosial, dan pembangunan komuniti yang efektif serta memberi impak besar dalam pembangunan masyarakat, pendidikan, dan kebajikan sosial. Perubahan peranan institusi masjid dalam masyarakat moden terutamanya dalam konteks cabaran global seperti pandemik COVID-19 boleh lihat apabila masjid berperanan penting dalam memberikan bantuan kemanusiaan dan sokongan kesihatan. Kajian oleh Rehmani et al. (2023) mengemukakan peranan institusi masjid di Edmonton, Alberta, menjadi pusat projek penyelidikan berasaskan komuniti untuk membantu imigran Muslim yang lebih tua semasa pandemik COVID-19. Ini menunjukkan bahawa masjid mempunyai potensi besar dalam menangani isu-isu kesihatan awam dan kebajikan sosial dalam masyarakat mereka. Selain itu, kajian oleh Gunardi dan Barliana (2021) pula mengemukakan institusi masjid berperanan sebagai pusat penyelamatan komuniti semasa bencana alam, menjadikannya aset penting dalam pembangunan komuniti dan ketahanan sosial.

Pengurusan profesional masjid antaranya melalui aplikasi pengurusan masjid dapat memperkasakan peranan masjid dalam masyarakat moden (Supardin et al., 2023). Masyarakat Islam di India merupakan salah satu minoriti agama terbesar di dunia. Dalam landskap sosiobudaya yang pelbagai dan dinamik ini, Jawatankuasa Pengurusan Masjid (MMC) memainkan peranan penting dalam memudahkan pemerkasaan dan pembangunan komuniti. Jawatankuasa ini bertindak sebagai saluran dialog antara agama, menggalakkan keharmonian dan keterangkuman (Aneesh, A.A.K. et al., 2024).

Kajian Lalu Supardin, Prabowo dan Indratno (2023) mengemukakan bahawa pengurusan masjid yang baik perlu merancang, menyusun, menyelaraskan dan mengawal sumber supaya matlamat dapat dicapai dengan berkesan dan dengan cekap. Pengurusan masjid berasaskan aplikasi dapat mendidik pentadbir masjid menggunakan teknologi dan maklumat kemajuan dalam mengurus, merekod dan melaporkan semua bentuk maklumat penting secara profesional, bertanggungjawab dan telus. Usaha ini sebagai asas melatih dan mengembangkan kemampuan sumber manusia (SDM) dalam mengurus masjid sesuai dengan kemajuan dan tuntutan zaman.

Dengan melaksanakan tindakan-tindakan ini, masjid dapat memperkasakan peranannya sebagai pusat tumpuan komuniti yang dinamik dan berdaya saing. Pemerkasaan ini akan memastikan bahawa masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat yang menyokong pembangunan sosial, pendidikan, dan kesejahteraan komuniti secara menyeluruh.

Oleh itu, membina masjid dengan infrastruktur yang sesuai dengan darurat iklim adalah langkah penting untuk memastikan masjid dapat memenuhi fungsinya sebagai pusat tumpuan komuniti, menyokong keperluan masyarakat semasa bencana, dan menggalakkan keberlanjutan alam sekitar. Pemerkasaan ini akan memastikan bahawa masjid tidak hanya berperanan sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai institusi yang proaktif dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran iklim masa depan. Infrastruktur yang sesuai dengan darurat iklim akan memastikan masjid dapat

beroperasi dengan efektif dan terus memberikan manfaat yang maksimum kepada masyarakat, terutamanya dalam menghadapi cabaran iklim dan bencana yang semakin kerap berlaku.

Menurut Ismail et. al, (2023) pengimaran masjid dalam Islam tidak tertumpu kepada pengagungan masjid semata-mata dari aspek rupa bentuk luarannya tetapi lebih utama lagi adalah bagaimana ia berperanan dalam menyuburkan kerohanian umat Islam secara keseluruhan. Usaha pengimaran masjid ini perlu dilaksanakan bagi memastikan fungsi masjid seperti yang telah ditunjukkan oleh Baginda SAW dapat terus dilestarikan malahan ianya perlu dipergiatkan untuk menjadikan masjid sebagai pusat kemajuan ummah sejagat.

METODOLOGI KAJIAN

Pembentukan Pelan Strategik Pengupayaan Fungsi Masjid Sebagai Pusat Tumpuan Komuniti ini dihasilkan menerusi pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan (*Design & Developmental and Research*) digunakan. Menurut Richey & Klein (2007) kajian reka bentuk dan pembangunan merangkumi proses yang sangat teratur dan bersistematik meliputi tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan serta penilaian sesuatu produk yang dihasilkan.

Fasa analisis keperluan dilaksanakan melalui Perbincangan Kumpulan Fokus (*Focus Group Discussion*) bersama wakil Ngo Islam serta ahli akademik bertujuan membuat tinjauan sebagai asas dalam menentukan keperluan dan matlamat pembentukan pelan. Fasa ini penting dan pandangan kumpulan dijadikan asas penting terhadap pembentukan pelan ini. Hasil tinjauan mendapati keperluan dan spesifikasi pembentukan pelan strategi pengupayaan fungsi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti (Mohd Jamil & Mat Noh, 2020).

Fasa reka bentuk dan pembangunan dilakukan menerusi perbincangan meja bulat (*Round Table Discussion*) melibatkan seramai 10 orang ahli akademik dalam pelbagai latar belakang bidang pengajian Islam iaitu metodologi dakwah, dakwah mualaf, komunikasi dakwah, pengurusan masjid, maqasid syariah, wanita dan syariah.

Fasa penilaian dilaksanakan merujuk seramai lima (5) orang pakar yang dilantik bagi memantapkan pembentukan pelan ini iaitu Profesor dalam bidang pendidikan Islam, Nazir Masjid, Profesor Madya dalam bidang syariah dan kajian awanita, Mufti Negeri dan Prof Emeritus. Menurut Ghazali & Sufean (2018), fasa ini memerlukan pemilihan pakar berasaskan kepakaran dalam konteks kajian. Bilangan pakar mencukupi merujuk Van den Akker (2006) berkaitan jumlah bilangan pakar iaitu adalah seramai 5 hingga 9 orang.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian ini mengemukakan objektif, isu, strategi, inisiatif/aktiviti, indikator, sasaran dan pelaksana bagi pelan strategik pengupayaan peranan masjid sebagai pusat tumpuan komuniti.

Objektif pelan strategik ialah membangun dan mengupayakan peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti. Terdapat tujuh isu dikenalpasti sebelum pembinaan pelan strategik iaitu kesediaan dan kesedaran dalam kalangan pentadbir masjid terhadap keperluan mengupaya peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti (PTK), penawaran pengajian selaras keperluan

masyarakat, keperluan dana dan pengurusan kewangan, keperluan kepelbagaian bentuk program, usaha dakwah dalam kalangan non muslim dan mualaf, prasarana mesra pengunjung dan penyediaan infrastruktur mendepani darurat iklim. Berikut adalah tujuh strategi dan tiga puluh inisiatif/aktiviti bagi pelan strategik.

Strategi 1	Inisiatif/Aktiviti
1. Memberi kesedaran dan cadangan kepada pentadbir & AJK masjid, Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam tentang keperluan mengupaya peranan institusi Masjid sebagai PTK	1. Membuat perbincangan menerusi bengkel/seminar/wacana bersama pihak pentadbir & AJK masjid dan Jabatan Agama Islam Negeri

Strategi 2	Inisiatif/Aktiviti
2. Mewujudkan pengajian ilmu yang holistik	1. Mewujudkan pengajian ilmu bermodul/berkitab 2. Melaksanakan kelas tuisyen akademik 3. Melaksanakan kelas untuk mualaf 4. Melaksanakan kelas untuk wanita 5. Melaksanakan kelas pengajian Al-Qur'an 6. Melaksanakan kelas untuk OKU / Warga Emas 7. Melaksanakan kelas untuk kanak-kanak dan remaja

Strategi 3	Inisiatif/Aktiviti
3. Meningkatkan dana dan mengurus kewangan dengan efektif	1. Mengadakan perbincangan dengan pihak masjid bagi menguruskan dana untuk tujuan aktiviti Masjid sebagai PTK 2. Membantu menyalurkan maklumat berkaitan peranan masjid sebagai PTK

Strategi 4	Inisiatif/Aktiviti
4. Mempelbagaikan aktiviti masjid	1. Menganjurkan kursus-kursus kepimpinan 2. Menganjurkan acara sukan yang sesuai 3. Menganjurkan program pameran & pemeriksaan kesihatan 4. Menganjurkan kursus-kursus keusahawanan 5. Menganjurkan kursus-kursus pendidikan masyarakat 6. Menganjurkan kursus-kursus sumber dan teknologi maklumat (ICT) 7. Mewujudkan rumah penginapan (hotel) 8. Menganjurkan program pelancongan masjid 9. Menganjurkan kursus-kursus pengurusan kewangan 10. Menggiatkan aktiviti ekonomi masjid

Strategi 5	Inisiatif/Aktiviti
5. Membangun dan mengupayakan dakwah Non Muslim dan Muallaf	1. Menjadikan Masjid sebagai Pusat Pengetahuan Islam dan Muallaf melalui Program Jelajah Masjid 2. Menganjur Program Kenali Islam berasaskan Rahmatan Lil Alamin 3. Mewujudkan kelas-kelas pengajian agama kepada muallaf dan non Muslim yang berminat 4. Mewujudkan Unit kebajikan non Muslim dan muallaf di masjid

Strategi 6	Inisiatif/Aktiviti
6. Menyediakan prasarana dan Infrastruktur yang mesra pengunjung	1. Membuat perbincangan menerusi bengkel/seminar/wacana bersama pihak pentadbir masjid dan Jabatan Agama Islam Negeri 2. Mengemukakan panduan dalam penyediaan prasarana dan infrastruktur yang mesra OKU, warga emas, wanita, kanak-kanak, remaja dan musafir 3. Mewujudkan persekitaran hijau 4. Mewujudkan rumah perlindungan sementara bagi golongan yang memerlukan (Muslim & Non-Muslim)

Strategi 7	Inisiatif/Aktiviti
7. Membina masjid dengan infrastruktur yang sesuai dalam mendepani darurat iklim	1. Mengumpulkan dana bagi pembinaan masjid bersedia menghadapi darurat iklim

Indikator bagi pelan strategik ini dipilih secara berperingkat iaitu dimulakan dengan institusi masjid terpilih daripada lima zon dalam tempoh tertentu yang ditetapkan antaranya antara satu hingga dua belas bulan dan antara satu hingga dua tahun, satu hingga tiga tahun dan satu hingga lima tahun.

Sasaran dan pihak pelaksana bagi diletakkan mengikut klasifikasi strategi dan aktiviti yang dikemukakan.

PERBINCANGAN

Pelan yang dikemukakan ini menghampiri kajian Nor Azlina et.al (2016) yang mengemukakan carta alir pemerkasaan peranan masjid di Malaysia. Menurut Paimuzi (2017), masjid merupakan institusi yang paling dekat dengan hati umat Islam dan peranan serta fungsi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti perlu diperkasakan. Masjid bukan sekadar lambang dan syiar dalam kehidupan masyarakat Islam malahan lebih penting dari itu iaitu masjid menjadi nadi dan pusat kegiatan aktiviti umat Islam (Zainuddin & Ramlan, 2018).

Kesedaran dan kesediaan pentadbir dan ahli jawatankuasa masjid menjadi salah satu aspek penting dalam pelan pengupayaan peranan masjid sebagai pusat tumpuan komuniti. Menurut kajian Mohd Ridhuan et.al (2019), kepimpinan masjid perlu memiliki daya pemikiran yang membangun dalam usaha menghidupkan suasana masjid yang kondusif dan praktikal melalui pembangunan minda. Institusi masjid memerlukan tadbir urus barisan pengurusan yang baik dan berkesan (Supardin et al., 2023). Menurut Fahrudin & Hyangsewu (2020), dalam era kepesatan perkembangan teknologi maklumat, aplikasi berasaskan teknologi sangat perlu digunakan bagi mengoptimumkan pengurusan sesebuah institusi.

Usaha mengekalkan peranan institusi masjid sebagai platform bagi penyaluran ilmu pengetahuan dalam kalangan komuniti adalah keutamaan yang tidak boleh dikesampingkan. Institusi masjid berfungsi sebagai tempat beribadat, masjid juga boleh menjadi tempat untuk belajar, berbincang, dan mengembangkan diri (Afifah, 2022).

Menurut Nor Azlina et. al (2016), penggunaan ICT dalam pengajaran di masjid ini sudah pastinya dapat menarik minat masyarakat Islam kini terutamanya golongan remaja untuk menghadiri kelas pengajian yang dilaksanakan. Sehubungan itu pembinaan pusat teknologi maklumat (ICT) di masjid dilihat sebagai satu anjakan paradigma dalam medan dakwah terutamanya dalam memperkasakan peranan masjid.

Kajian Mohd Rushdan et.al (2016) mencadangkan usaha mempelbagaikan program dan aktiviti institusi masjid menerusi usaha memanfaatkan dana untuk aktiviti perniagaan, mewujudkan program penandaarasan dan memperbanyakkan aktiviti pengisian yang bukan sahaja bersifat ritual tetapi mampu menjana pendapatan tambahan kepada institusi masjid. Aktiviti-aktiviti ini boleh dianjurkan di luar kawasan masjid supaya golongan non muslim boleh dijemput bersama.

Strategi dan kepelbagaian aktiviti yang menarik penting dilaksanakan untuk memastikan kelangsungan institusi masjid sebagai tempat tumpuan komuniti. Ini kerana sasaran dakwah dalam komuniti setempat terdiri dari segmen yang berbeza dan bervariasi. Golongan remaja lebih tertarik untuk ke masjid sekiranya terdapat faktor penarik dan sesuai dengan kehendak dan citarasa mereka. Kajian Muhammad Imran (2020), program yang bersifat semasa dan terkini yang sesuai dengan usia dan keperluan remaja dan belia sangat penting dan ini dapat diusahakan melalui peranan masjid. Antara aktiviti lain berbentuk latihan, disiplin dan khidmat masyarakat seperti menyusun kasut dan selipar, melipat sejadah dan lain-lain lagi (Ahmad Fakhurrazi, 2010).

Membangun dan mengupayakan dakwah non muslim dan mualaf adalah antara strategi yang diketengahkan dalam pelan ini. Tumpuan terhadap golongan mualaf sangat penting diberi perhatian kerana sebahagian besar golongan ini menghadapi cabaran besar antaranya dipulaukan oleh keluarga, hilang sumber kewangan, dianggap telah mengkhianati asal-usul, keturunan, budaya, warisan dan agama nenek moyang mereka kerana memeluk Islam (Mariam & Norlia, 2017). Selain fokus pemeraksanaan strategi dakwah dalam kalangan mualaf, pelan ini turut mengusulkan keprihatinan dalam usaha dakwah terhadap golongan non muslim. Kajian Ab Aziz (2008) berkaitan persepsi golongan bukan Islam terhadap laungan suara, bacaan dan aktiviti masjid mendapati mendapati majoriti masyarakat bukan Islam iaitu 92.57 peratus menyatakan mereka tidak berminat terhadap aktiviti masjid manakala seramai 11 orang atau 3.71% menyatakan berminat. Sebahagian kecil golongan non muslim yang berminat menjelaskan justifikasi minat

mereka disebabkan sikap positif orang Islam dan bacaan yang didengari dari masjid yang menenangkan. Ini bermakna perlu ada beberapa aktiviti yang bersesuaian dengan golongan bukan Islam boleh dilaksanakan untuk mendekatkan golongan bukan Islam dengan aktiviti masjid seperti program Senaman Tai Chi, sambutan Hari Raya 'Idil Fitri, perarakan Maulidur Rasul, sumbangan wang hari raya, gerobok rezeki dan lain-lain sebahagian kecil responden.

Penyediaan prasarana dan infrastruktur yang mesra pengunjung turut menjadi satu daripada pelan strategik ini. Bagi meralisasikan masjid sebagai pusat tumpuan komuniti, usaha menjadikan masjid sebagai institusi contoh dari semua aspek meliputi rekabentuk dan infrastruktur adalah perlu. Menurut Ahmad Fakhurrazi (2010), pihak masjid hendaklah menyediakan ruang yang mesra wanita seperti ruang wuduk yang bertutup, tandas yang kondusif dan berdekatan dengan ruang solat dan kemudahan pakaian solat wakaf bagi memudahkan musafir. Di samping itu, kelas memasak, menjahit dan penubuhan skuad Serikandi untuk menyantuni ibu tunggal dan golongan wanita bermasalah boleh dilaksanakan. Masjid al-Salam Puchong Perdana memiliki reka bentuk dan permandangan cantik serta lokasi yang menarik selari dengan visi masjid sebagai pusat ibadah, penyebaran dakwah, perkembangan ilmu dan budaya Islam terkemuka. Masjid Raja Haji Fi Sabilillah di Cyberjaya, Sepang, Selangor menjadi masjid pertama di Malaysia menerima sijil Indeks Bangunan Hijau (GBI) dengan penarafan platinum. (MyMetro, 14 Julai 2017).

Pelan strategik ini turut mengemukakan pembinaan institusi masjid yang dilengkapi dengan infrastruktur sesuai dengan darurat iklim. Darurat iklim berlaku ekoran perubahan iklim dunia masa kini (Dasar Perubahan Iklim Negara, 2019). Berdasarkan kenyataan ini, pelan strategik bagi mengupayakan peranan masjid sebagai pusat tumpuan komuniti perlu mengambil kira persediaan menghadapi darurat iklim ekoran perubahan iklim global yang berlaku.

Pelaksanaan strategi dan aktiviti yang dikemukakan dalam pembentukan pelan ini dijangka mampu mengupayakan peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti. Usaha mewujudkan jawatan kuasa khas di peringkat masjid dan komuniti serta jalinan kerjasama dengan Jabatan Agama Islam, kementerian berkaitan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain pihak yang berkepentingan penting bagi merealisasikan pelan strategik ini.

KESIMPULAN

Masjid berperanan sebagai institusi penting dalam pembangunan komuniti. Peranan masjid sebagai sebagai Pusat Tumpuan Komuniti dapat direalisasi dengan perancangan yang strategik menerusi diversiti program dan aktiviti berdasarkan keperluan, realiti komuniti setempat selaras dengan tujuan pensyariaan. Usaha ini memerlukan komitmen dan kreativiti pihak pengurusan institusi masjid serta jalinan kerjasama semua pihak.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada pihak Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) sebagai pemberi dana penyelidikan iaitu kategori Geran Pelan Pembangunan Dakwah Negara (PPDN).

RUJUKAN

- Ab. Aziz, M. Z., Ahmad Shah, F., Abd Majid, M., & Adnan, M. M. (2008). Perasaan orang bukan Islam terhadap laungan suara bacaan dan aktiviti masjid di Negeri Selangor Darul Ehsan. *Jurnal Usuluddin*, 27, 109-119.
- Afifah, Z. (2022). Revitalisasi Masjid Melalui Manajemen Sumber Daya Masjid Sebagai Penggerak Ekonomi Masyarakat dan UMKM. *Eco-Entrepreneur*, 8(2), 8–16.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 1997. *Fiqh Sirah*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Ahmad Fakhurrazi, M. Z. (2010). Singgulan awal terhadap isu-isu masjid sebagai one stop community centre. *Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid (SKPPBM2010)*, 18-19 Februari 2010, Masjid Negeri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor, 97.
- Ahmad, S., Ali, M., & Hossain, M. (2021). Transformasi peranan masjid dalam masyarakat kontemporari. *Jurnal Islam & Masyarakat*, 15 (2), 45-62.
- Al-Buti, M. S. R. (1988). *Fiqh Al-Sirah I* (M. D. Sanawi, Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Aneesh, A. A. K., El Khoury, R. (Ed.). (2024). Role of mosque management committee in empowering the Muslim community in India: A systematic review. In *Technology-Driven Business Innovation. Studies in Systems, Decision and Control* (Vol. 223). Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-031-51997-0_28
- Fahrudin, F., & Hyangsewu, P. (2022). Manajemen Pengelolaan Masjid Menuju Masjid Yang Bersih, Sehat, dan Suci Berbasis Teknologi Informasi. *Jurnal Abmas*, 22(2), 63–70
7. Ghazali, & Sufean. (2018). *Metodologi dalam pendidikan: Amalan dan analisis*. Universiti Malaya.
- Gunardi, Y., & Barliana, M. S. (2021). Disaster response mosque: A mosque as a center for the rescue of the ummah. *Journal of Development and Integrated Engineering*.
- Ibrahim, M. I., Sahad, M. N., & Imran, S. A. (2020). Pembangunan remaja masjid masa kini: Satu tinjauan di Masjid Daerah Kinta, Perak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3 (3), 168-183.
- Ismail, N., Bakar, S. A., Ismail, K., & Bakar, N. H. (2023). Peranan Muslimat dalam menjadikan masjid sebagai pusat khidmat sosial. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management*, 3(2).
- Ismail, R., & Rahman, F. (2022). Peranan masjid dalam pembangunan sosial dan ekonomi: Kajian kes di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Masyarakat*, 20 (1), 77-89.

Wahab, N. A., Hamid, N. A., & Man, N. C. (2016). Pemeraksanaan peranan masjid di Malaysia era kontemporari. *e-Academia Journal UiTMT*, 5 (2), 219-229. Diakses pada 28 Disember 2020. <http://journale-academiauitmt.edu.my/>

Yahya, P. (2017). Pengimarah masjid di Malaysia: Prestasi dan peranan kepimpinan. *Konvensyen Imarah Masjid Serantau*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Bank Islam dan Surau Wakaf Ahmad Dawje Dadabhoy, 4 Mei 2017, Grand Ballroom Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur.

Yasoa', M. R., Ghazali, M. S., Alwi, M. A. M., Rahman, A. H. A., Abdullah, S. S., Abdullah, A. R., Ismail, M., & Yaacob, M. R. (2016). Pengurusan dana pusat ibadah: Kajian eksplorasi kes beberapa masjid di Kelantan. *Journal of Education and Social Science*, 5, 155-165.

Yusof, N., Ali, R., & Karim, S. (2023). Masjid sebagai pusat pembangunan komuniti: Cabaran dan peluang. *Jurnal Kajian Islam*, 18(3), 112-129.

Zainal, H., & Mustapha, M. (2024). Inisiatif sosial oleh masjid: Kajian kes dan implikasi untuk pembangunan komuniti. *Jurnal Sosial dan Kebajikan*, 22 (4), 98-115.

Zainuddin, G., & Ramlan, S. R. (2018). E-Journal Al-Mimbar: Ke arah melestarikan masjid sebagai pusat pengembangan ilmu dalam revolusi industri 4.0.